

0812

U B912 AAB
MAHATHIR - KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 5 FEB (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MENGULANGI JAMINANNYA HARI INI BAHAWA KEDUDUKAN KERAJAAN TIDAK TERJEJAS BERIKUTAN KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI DI SINI SEMALAM MENGISYTIHARKAN UMNO SEBAGAI PARTI YANG TIDAK SAH.

KATANYA, INI KERANA KERAJAAN DIPILIH OLEH RAKYAT DAN CALON-CALON YANG BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA BERBUAT DEMIKIAN SECARA INDIVIDU WALAUPUN MENGGUNAKAN SIMBOL PARTI.

BELIAU MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR DI PEJABATNYA DI SINI, MENGIKUT PERLEMBAGAAN NEGARA, SESIAPA YANG MENDAPAT KEPERCAYAAN MAJORITI ANGGOTA DEWAN RAKYAT BOLEH DITONJOLKAN MENJADI PERDANA MENTERI.

+PERDANA MENTERI CUMA BOLEH DIJATUHKAN DENGAN UNDI TIDAK PERCAYA DARIPADA ANGGOTA DEWAN RAKYAT ATAUPUN BELIAU HILANG SOKONGAN MEREKA+, KATANYA.

+SEPERTI MANA YANG KITA TAHU TIDAK ADA BUKTI BAHAWA PERDANA MENTERI YANG ADA SEKARANG TELAH HILANG KEPERCAYAAN MAJORITI ANGGOTA DEWAN RAKYAT,+ TAMBAHNYA.

+OLEH YANG DEMIKIAN, KEDUDUKAN PERDANA MENTERI TIDAK TERJEJAS. DEMIKIAN JUGA MENTERI-MENTERI YANG DIPILIH OLEH PERDANA MENTERI, KEDUDUKAN MEREKA ADALAH SEPERTI BIASA. INI BERMAKNA KERAJAAN SEKARANG INI BERJALAN SEPERTI BIASA. TIDAK ADA APA-APA KESAN DARIPADA KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH MAHKAMAH,+ JELAS BELIAU. -- LAGI
1415MST 05 02 88

D813

U B913 AAB
MAHATHIR - KERAJAAN 2 KUALA LUMPUR

APABILA DITANYA SAMA ADA KEPUTUSAN ITU AKAN MENJEJASKAN KESTABILAN POLITIK NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK NAMPAK TIMBULNYA SOAL KETENANGAN ATAU TIDAK DARIPADA SEGI POLITIK KERANA POLITIK LEBIH BANYAK BERGANTUNG KEPADA ADA ATAU TIDAKNYA KERAJAAN.

+KERAJAAN MASIH WUJUD. KERAJAAN YANG DISOKONG OLEH SEBILANGAN BESAR ANGGOTA-ANGGOTA DEWAN RAKYAT. BEGITU JUGA DI NEGERI-NEGERI, KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MASIH WUJUD,+ JELAS BELIAU.

PERDANA MENTERI MEMBAYANGKAN BELIAU MUNGKIN AKAN MENJELAJAH KE SELURUH NEGARA BAGI MENJELASKAN KEPADA RAKYAT TENTANG KEDUDUKAN SEKARANG.

+BAGAIMANAPUN, SAYA TAK BOLEH BERJUMPA DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO. MUNGKIN SAYA AKAN BERJUMPA DENGAN KAWAN-KAWAN SAJA,+ KATANYA.

BELIAU MENASIHATKAN RAKYAT SUPAYA BERTENANG DAN MENUNGGU LANGKAH-LANGKAH SELANJUTNYA YANG AKAN DIAMBIL. -- BERNAMA.

1418MST 05 02 88